

MAHATHIR - PBS

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA KEENGGANAN PBS MENERIMA KEMASUKAN UMNO KE SABAH IALAH KERANA IA TAKUT SEGALA KESALAHAN PEMIMPINNYA DAPAT DIDEDAHKAN OLEH UMNO.

+KEPUTUSAN UMNO UNTUK MASUK KE NEGERI ITU MENIMBULKAN PERSAAN TAKUT DI KALANGAN PEMIMPIN PBS KERANA HINGGA KINI MEREKA DAPAT MEMERINTAH SABAH MENGIKTU KEHENDAK HATI MEREKA DAN TIADA SIAPA YANG MENEGUR MEREKA,+ KATANYA KEPEDA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

PADA MESYUARAT ITU MT MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK BERTINDAK SECARA TELITI MEMBUKA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI SABAH.

KATANYA, UMNO AKAN MENGAMBIL KIRA KEADAAN TERTENTU DI NEGERI ITU SEBELUM MENYUSUN PEMBUKAAN BAHAGIAN-BAHAGIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN ADANYA UMNO DI SABAH PEMIMPIN PBS KHUATIR KEMUNGKINAN UMNO BOLEH MENGESAN SETIAP PENYELWENGAN YANG DILAKUKAN OLEH MEREKA. -- LAGI  
1653MST 03 11 90

D115

B B478 AAB

MAHATHIR - PBS 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN) R R R

PRESIDEN UMNO ITU MENGINGATKAN BAHAWA SABAH SEBENARNYA BUKAN UNTUK ORANG NEGERI ITU SAHAJA KERANA IA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA MALAYSIA SEPERTI JUGA ORANG DI NEGERI LAIN YANG MENERIMA ORANG SABAH SEBAGAI ORANG MALAYSIA.

+ADALAH TIDAK KENA JIKA ORANG SABAH MENGANGGAP BAHAWA SABAH ADALAH SEBUAH NEGERI ASING,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA ANGGAPAN ITU SENTIASA ADA PADA ADIK KETUA MENTERI SABAH, IAITU DATUK DR JEFFREY KITINGAN, YANG SERINGKALI BERTANYA KEPADA BELIAU SAMA ADA ORANG SABAH BOLEH MENJADI PERDANA MENTERI.

+JAWAPAN SAYA IALAH ORANG SABAH TIDAK BOLEH MENJADI PERDANA MENTERI TETAPI ORANG MALAYSIA BOLEH MEMEGANG JAWATAN ITU,+ KATANYA.

KATANYA, +JIKA JEFFREY MENGANGGAP DIA HENDAK MENJADI PERDANA MENTERI SABAH DI MALAYSIA, IANYA TIDAK TEPAT DAN SAYA SENDIRI TIDAK MENGANGGAP SAYA SEBAGAI PERDANA MENTERI KEDAH DI MALAYSIA TETAPI SEORANG PERDANA MENTERI MALAYSIA.+ -- LAGI

1811MST 03 11 90

D116

B B479 AAB

MAHATHIR - PBS 3 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN) R R R

+INI MENUNJUKKAN BETAPA CETEKNYA DAN SIKAP KEMENTERIAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PBS, TERUTAMA DUA ORANG ADIK-BERADIK ITU, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN DAN DATUK DR JEFFREY KITINGAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGULAS MENGENAI PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH YANG MENGHALANG WAKIL RAKYATNYA BERPINDAH PARTI KECUALI SELEPAS MENGOSONGKAN KERUSI MEREKA, PERDANA MENTERI BERKATA PERATURAN ITU HANYA MELIBATKAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI.

KATANYA, JIKA SESEORANG ITU BUKAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI MAKA DIA BOLEH MEMASUKI MANA-MANA PARTI TANPA DIGUGURKAN DARIPADA KERUSINYA DAN INI BERMAKNA ANGGOTA PARLIMEN DARIPADA USNO BOLEH BERPINDAH KEPADA UMNO.

BELIAU BERKATA TIDAK PERLU BAGI ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DARIPADA USNO MENGAMBIL KEPUTUSAN MENGOSONGKAN KERUSI MEREKA SEMATA-MATA UNTUK MEMASUKI UMNO.

TIADA MAKNANYA MEREKA MEMBIARKAN PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN JIKA MEREKA BERTINDAK SEDEMIKIAN, KATANYA. -- BERNAMA